



28 FEB, 2025

## McDonald's Malaysia, IWK kerjasama kukuh kelestarian alam

Sinar Harian, Malaysia



### McDonald's Malaysia, IWK kerjasama kukuh kelestarian alam

KUALA LUMPUR - McDonald's Malaysia menjalin kerjasama strategik dengan Indah Water Konsortium (IWK) Sdn Bhd bagi meningkatkan pengurusan perangkap gris untuk kira-kira 300 restorannya di seluruh negara.

Melalui perjanjian perkhidmatan pengosongan lemak, minyak dan gris (FOG), IWK akan menyediakan perkhidmatan penyedutan sisa gris secara berkala bagi mencegah penyumbatan, mengurangkan masalah saliran serta memastikan sistem perparitan dapat berfungsi dengan lebih baik.

Pengarah Urusan dan Rakan Operasi Tempatan McDonald's Malaysia, Datuk Azmir Jaafar berkata, langkah itu mencerminkan komitmen syarikat memastikan operasi yang cekap serta lestari.

"Sebagai jenama yang melayani sembilan juta pelanggan setiap bulan, kami bertanggungjawab memastikan operasi restoran bukan sahaja cekap, malah mesra alam.

"Usaha ini membantu mengurangkan pencemaran air dan menyokong matlamat kelestarian negara," katanya se-

masa Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MOU) antara McDonald's Malaysia dan Indah Water Konsortium (IWK) di Bangsar pada Khamis.

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif IWK, Narendran Maniam menyifatkan kerjasama itu sebagai langkah penting ke arah pemeliharaan alam sekitar.

Menurutnya, penyelenggaraan perangkap gris yang baik dapat mencegah sisa lemak daripada memasuki sistem pembetungan, sekali gus mengurangkan penyumbatan dan kesan negatif terhadap alam sekitar.

Selain meningkatkan kebersihan restoran, inisiatif tersebut turut menyokong ekonomi kitaran iaitu sisa gris yang dikumpul boleh diproses untuk penghasilan biodiesel dan biogas.

Kerjasama itu juga melengkapkan usaha kelestarian McDonald's Malaysia termasuk reka bentuk restoran hijau, pemasangan kemudahan solar dengan Tenaga Nasional Berhad (TNB), penyediaan



Azmir (dua dari kiri) dan Narendran bersama MoU yang telah ditandatangani pada Khamis.

pengecas kendaraan elektrik (EV) di cawangan terpilih dan program pengurangan sisa secara menyeluruh.

McDonald's Malaysia terus giat bekerjasama dengan rakan strategik bagi mengukuhkan usaha kelestarian alam, seiring

dengan matlamat pembangunan mampu (SDG) 17 oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).